

# Pengaplikasian PaW Terhadap Keseragaman Rima Akhir Pantun Dua Baris (*The Application of PaW in Ensuring Rhyme Uniformity of Two Line Pantun*)

Muhammad Azis<sup>1,2</sup>, Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad<sup>2\*</sup>

<sup>1</sup> Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Ming Chih, 79100 Iskandar Puteri, Johor, Malaysia

<sup>2</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [munaruzanna@ukm.edu.my](mailto:munaruzanna@ukm.edu.my)

Received: 19 January 2026 | Accepted: 21 February 2026 | Published: 1 April 2026

DOI: <https://doi.org/10.55057/ijares.2026.8.2.21>

---

**Abstrak:** Kajian ini meneliti pengaplikasian intervensi Pantun W (PaW) dalam meningkatkan keseragaman rima akhir dan kegramatisan penulisan pantun dua baris dalam kalangan murid Tahun Enam di sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Kajian ini berbentuk penyelidikan tindakan berasaskan model reflektif Jean McNiff yang menekankan penambahbaikan berterusan terhadap amalan pedagogi. Intervensi PaW yang diinspirasikan daripada bentuk huruf “W” direka bentuk sebagai rangka visual bagi membantu murid memahami keseimbangan struktur dan keseragaman rima antara dua baris pantun. Pelaksanaan kajian ini berteraskan Teori Pemerolehan Bahasa Kedua oleh Krashen (1987) dan Teori Zon Perkembangan Proksimal oleh Vygotsky (1978) yang menegaskan kepentingan input yang boleh difahami dan bimbingan berperingkat (*scaffolding*) dalam proses pembelajaran bahasa. Data diperoleh melalui ujian awal dan akhir, pemerhatian, serta temu bual untuk menilai keberkesanan PaW terhadap aspek rima, diksi dan keseimbangan bunyi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa PaW berkesan dalam membantu murid menguasai struktur rima, meningkatkan ketepatan sintaksis, serta memupuk kreativiti berbahasa melalui pendekatan visual yang interaktif dan menyeronokkan. Kesimpulannya, pengintegrasian pendekatan visual dalam pengajaran puisi tradisional Melayu bukan sahaja memperkukuh kemahiran linguistik murid, malah turut mempertingkatkan apresiasi mereka terhadap keindahan dan nilai budaya bahasa Melayu.

**Kata Kunci:** Intervensi PaW, pantun dua baris, keseragaman rima, kegramatisan, pedagogi visual, penyelidikan tindakan, bahasa Melayu

**Abstract:** This study explores the application of the Pantun W (PaW) intervention in enhancing the uniformity of final rhymes and grammatical accuracy in two-line pantuns among Year Six pupils in a Chinese vernacular primary school. The research was conducted as an action research project based on Jean McNiff’s reflective cycle, focusing on the integration of visual and cognitive elements in language learning. The PaW model conceptually inspired by the letter “W” serves as a visual framework to represent balance and rhyme symmetry between the two lines of a pantun. Grounded in Krashen’s Second Language Acquisition Theory and Vygotsky’s Zone of Proximal Development, PaW aims to provide comprehensible input and structured scaffolding that facilitate pupils’ mastery of rhyme and syntax. Data were collected through pre- and post-intervention tests, observations, and interviews to evaluate improvements in rhyme consistency, diction accuracy, and phonological balance. The findings

*demonstrate that PaW effectively supports pupils' understanding of rhyme structure, enhances syntactic fluency, and fosters creative language use through engaging and meaningful activities. The study concludes that the integration of visual pedagogy within traditional Malay poetry not only improves linguistic competence but also strengthens cultural appreciation and aesthetic sensitivity among learners.*

**Keywords:** PaW intervention, two-line pantun, rhyme uniformity, Malay language education, visual pedagogy, action research, linguistic competence

---

## 1. Pengenalan

Keutuhan puisi tradisional Melayu sebagai wahana ekspresi budaya dan nilai bangsa terus dipertahankan meskipun berhadapan dengan arus pemodenan yang pesat. Pantun merupakan salah satu cabang puisi yang paling prolifik, menampilkan keunikan struktur serta keindahan bahasa yang berakar dalam sistem komunikasi masyarakat Melayu. Keupayaan pantun untuk menyampaikan mesej tersirat secara halus, sekali gus mengangkat keindahan diksi dan irama bahasa ternyata dapat memperkukuh kedudukannya dalam pendidikan bahasa di peringkat sekolah rendah (Salleh et al., 2017). Nilai-nilai estetika dan moral yang terkandung dalam pantun turut menyumbang kepada pembinaan karakter murid, memupuk kepekaan terhadap kesantunan berbahasa dan memperkaya kosa kata. Pembelajaran pantun tidak hanya berfokus pada aspek linguistik semata, bahkan turut melibatkan pemahaman konteks sosiobudaya yang menjadi latar penciptaannya. Khususnya, pantun dua baris sering menjadi titik permulaan bagi murid memahami asas pembinaan pantun melalui menekankan hubungan erat antara pembayang dan maksud melalui rima akhir yang seragam. Hal ini penting kerana pendedahan awal kepada struktur asas pantun membolehkan murid membina asas kukuh sebelum beralih kepada bentuk pantun yang lebih kompleks seperti pantun empat kerat.

Penghayatan terhadap pantun dua baris memerlukan kepekaan terhadap susunan sintaksis, keseimbangan bunyi serta keseragaman rima akhir. Penulisan pantun yang baik harus menepati hukum kegramatisan terutamanya dari segi keselarasan frasa dan pemilihan kata yang membentuk makna menyeluruh (Yusof & Ramli, 2019). Hukum-hukum ini merangkumi aspek pemilihan perkataan yang bersesuaian dengan maksud, pembinaan ayat yang ringkas dan padat serta penentuan rima yang seragam pada baris pertama dan kedua. Ketepatan rima bukan sahaja berfungsi sebagai elemen estetika, malah ia menjadi penanda aras bagi keupayaan murid menguasai aspek fonologi dan morfologi bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, dapatan kajian lepas menunjukkan bahawa murid sering mengalami kesukaran untuk menghasilkan pantun dua baris yang mematuhi struktur tatabahasa yang tepat, khususnya pada aspek rima akhir (Rosli, 2020). Kekeliruan dalam mengenal pasti keserasian bunyi serta ketidakupayaan mengekalkan keharmonian sintaksis telah menjejaskan mutu penghasilan pantun dalam kalangan murid sekolah rendah. Fenomena ini berlaku disebabkan pelbagai faktor seperti kurangnya pendedahan kepada latihan intensif, kekangan dalam memahami konsep rima dan keterbatasan kreativiti dalam memilih perkataan yang bersesuaian untuk menghasilkan rima yang konsisten. Keadaan ini secara tidak langsung mempengaruhi keupayaan murid untuk menghargai keindahan dan keunikan pantun sebagai khazanah sastera Melayu. Kesukaran ini juga menghalang murid daripada meneroka potensi kreatif mereka dalam pengkaryaan pantun, seterusnya mengekang minat mereka terhadap pembelajaran bahasa Melayu.

Sebagai respon terhadap cabaran tersebut, satu bentuk intervensi dikenali sebagai Pantun W atau PaW telah diperkenalkan dengan menekankan prinsip visual dan kognitif yang mudah

diakses oleh murid. Konsep ini diinspirasi dari bentuk huruf "W" yang menggambarkan keseimbangan dua baris pantun secara pantulan. Unsur pantulan ini bukan sekadar metafora visual, bahkan diterjemahkan kepada keharmonian bilangan perkataan dan rima akhir yang gramatis. Pendekatan ini seiring dengan dapatan Mohd Nor dan Ahmad (2021) yang menyarankan penggunaan elemen visual dalam memperkukuh penguasaan sintaksis murid dalam konteks pembelajaran bahasa. Penggunaan elemen visual dalam pembelajaran bahasa dapat membantu murid membentuk gambaran mental yang jelas, membolehkan mereka memahami struktur dan hubungan antara komponen bahasa dengan lebih mudah. Konsep PaW ini secara spesifik direka untuk menangani masalah rima akhir, dengan menyediakan kerangka yang jelas dan mudah diaplikasikan oleh murid dalam konteks pantun dua baris. Sistem visualisasi ini membolehkan murid melihat secara grafik hubungan antara perkataan dan bunyi selain memudahkan proses penyesuaian rima.

Intervensi PaW diterapkan secara sistematik berpandukan kerangka Penyelidikan Tindakan Jean McNiff yang menekankan refleksi sendiri dan keberkesanan pelaksanaan terhadap konteks pengajaran sebenar (McNiff, 2017). Penggunaan kaedah ini membolehkan guru menilai secara holistik tahap penguasaan murid sebelum dan selepas pelaksanaan intervensi, memastikan setiap langkah pedagogi yang diambil adalah responsif terhadap keperluan pembelajaran murid. Tumpuan diberikan kepada proses bimbingan yang menyepadukan unsur kreatif, kognitif dan linguistik, seterusnya membina kecekapan sintaksis secara berperingkat. Setiap fasa pelaksanaan PaW melibatkan pemerhatian rapi terhadap kemajuan murid, analisis terhadap kesalahan lazim yang dilakukan dan penyesuaian strategi pengajaran untuk memastikan keberkesanan maksimum. Keberkesanan sesuatu intervensi pembelajaran bergantung kepada kesesuaiannya dengan tahap kognitif dan gaya pembelajaran murid (Lim & Saedah, 2018). PaW direka bentuk agar murid dapat mengaplikasikan prinsip rima secara praktikal melalui aktiviti yang menyeronokkan dan bermakna selain menjauhkan pembelajaran daripada kaedah hafalan semata-mata. Pendekatan ini menggalakkan murid untuk bereksperimen dengan perkataan dan bunyi, membangunkan keupayaan kreatif mereka dalam penghasilan pantun.

### **Pernyataan Masalah**

Pengajaran dan pembelajaran puisi tradisional Melayu, khususnya pantun dua baris, merupakan komponen penting dalam kurikulum Bahasa Melayu sekolah rendah kerana pantun berfungsi sebagai wahana pembinaan kemahiran linguistik, estetika bahasa dan jati diri budaya. Walau bagaimanapun, penguasaan pantun dalam kalangan murid Sekolah Jenis Kebangsaan Cina masih berada pada tahap yang kurang memuaskan, terutamanya dari segi keseragaman rima akhir dan kegramatisan struktur ayat. Keadaan ini menjadi lebih ketara apabila murid gagal mengekalkan keharmonian bunyi antara baris pertama dan baris kedua pantun, sekali gus menjejaskan nilai estetika dan ketepatan linguistik pantun yang dihasilkan.

Kelemahan ini berkait rapat dengan latar belakang sosiolinguistik murid SJKC yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua atau ketiga. Penguasaan fonologi dan morfologi Bahasa Melayu yang terhad menyebabkan murid mengalami kesukaran memilih diksi yang sesuai untuk menghasilkan rima akhir yang seragam. Dapatan kajian terdahulu menunjukkan bahawa murid bukan penutur jati sering menghadapi kekangan dalam memadamkan bunyi hujung kata serta mengekalkan keseimbangan sintaksis dalam penghasilan teks berunsur kreatif (Yusof & Ramli, 2019; Rosli, 2020). Kesukaran ini bukan sahaja berpunca daripada aspek linguistik semata-mata, malah turut dipengaruhi oleh tahap motivasi murid yang rendah terhadap pembelajaran puisi Melayu yang dianggap sukar dan kurang menarik.

Pendekatan pengajaran pantun yang masih bersifat konvensional dan berpusatkan guru turut menyumbang kepada masalah ini. Amalan pengajaran yang menekankan hafalan struktur dan contoh siap tanpa bimbingan visual atau sokongan kognitif yang sistematik telah mengehadkan keupayaan murid untuk memahami konsep rima secara mendalam. Kajian oleh Mohd Nor dan Ahmad (2021) menegaskan bahawa murid memerlukan sokongan visual dan rangka konseptual yang jelas bagi membantu mereka membina pemahaman struktur bahasa secara bermakna. Tanpa intervensi yang sesuai dengan tahap kognitif dan gaya pembelajaran murid, pengajaran pantun cenderung menjadi aktiviti mekanikal yang gagal merangsang kreativiti serta pemikiran bahasa murid.

Sehubungan itu, keperluan terhadap satu intervensi pedagogi yang bersifat visual, mudah diaplikasikan dan sejajar dengan keperluan murid bukan penutur jati menjadi semakin mendesak. Intervensi Pantun W (PaW) diperkenalkan sebagai satu pendekatan alternatif bagi membantu murid memahami hubungan antara struktur sintaksis dan keseragaman rima melalui representasi visual yang konkrit. Berasaskan prinsip input yang boleh difahami dan bimbingan berperingkat seperti yang ditekankan oleh Krashen (1987) dan Vygotsky (1978), PaW dijangka dapat mengurangkan beban kognitif murid serta meningkatkan keyakinan dan motivasi mereka dalam menghasilkan pantun yang gramatis dan estetik.

Situasi ini menjadi lebih tertekan oleh kekurangan kajian empirikal yang memfokuskan kepada pengajaran pantun dua baris dalam konteks murid SJKC menggunakan pendekatan visual yang terancang. Sebahagian besar kajian berkaitan pengajaran sastera Melayu lebih menumpukan pantun empat kerat atau analisis teks sastera secara umum, manakala aspek asas seperti keseragaman rima akhir pantun dua baris kurang diberikan perhatian yang sewajarnya. Kekosongan kajian ini menyebabkan guru kekurangan panduan pedagogi yang berkesan untuk menangani masalah rima dan kegramatisan pantun secara kontekstual dan praktikal di bilik darjah sekolah rendah.


Justeru, kajian ini dilaksanakan untuk menangani jurang antara keperluan penguasaan pantun dua baris dengan amalan pengajaran sedia ada, khususnya dalam konteks murid SJKC. Penyelidikan ini diharapkan dapat menyumbang kepada penambahbaikan pedagogi Bahasa Melayu melalui pengintegrasian pendekatan visual yang sistematik, sekali gus memperkukuh penguasaan rima akhir, meningkatkan kegramatisan pantun dan memupuk minat murid terhadap pembelajaran puisi tradisional Melayu.

### **Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenal pasti tahap penguasaan rima akhir pantun dua baris dalam kalangan murid Tahun 6 sebelum pelaksanaan intervensi PAW.
2. Menilai keberkesanan intervensi PAW dalam meningkatkan keupayaan murid menulis pantun dua baris yang menepati hukum kegramatisan.
3. Menganalisis keberkesanan intervensi PAW dalam memperkukuh kefahaman murid terhadap aspek sintaksis dan keseimbangan bunyi.

## Kerangka Konseptual



**Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian Pengaplikasian PaW terhadap Keseragaman Rima Akhir Pantun Dua Baris Murid Sekolah Rendah**

Rajah 1 memperlihatkan kerangka konseptual kajian yang menjelaskan hubungan antara intervensi Pantun W (PaW) dan peningkatan kualiti pantun dua baris dalam kalangan murid sekolah rendah. Intervensi Pantun W (PaW) berfungsi sebagai pemboleh ubah tidak bersandar yang mengandungi tiga komponen utama iaitu elemen visual, ketepatan diksi dan keseragaman bunyi. Ketiga-tiga komponen ini dirancang bagi menyokong penguasaan rima akhir pantun dua baris serta memperkukuh kefahaman murid terhadap struktur pantun.


Elemen visual dalam intervensi PaW membantu murid memahami hubungan antara struktur baris pantun dan padanan bunyi secara lebih konkrit. Pendekatan ini selari dengan Teori Pemerolehan Bahasa Kedua yang dikemukakan oleh Krashen (1987) yang menekankan kepentingan input yang mudah difahami dalam pembelajaran bahasa. Sokongan visual membolehkan murid memproses maklumat bahasa dengan lebih berkesan dan mengurangkan kekeliruan dalam mengenal pasti rima akhir pantun.

Ketepatan diksi memberi penekanan terhadap pemilihan perkataan yang sesuai dari segi makna dan bunyi agar pantun yang dihasilkan bersifat gramatis dan bermakna. Keseragaman bunyi pula merujuk kepada keseimbangan fonologi antara baris pantun yang mewujudkan keharmonian irama. Kedua-dua komponen ini diperkukuh melalui Teori Konstruktivisme oleh Vygotsky (1978) yang menegaskan bahawa pembelajaran berlaku melalui pembinaan pengetahuan secara aktif berdasarkan pengalaman dan interaksi sosial.

Secara keseluruhannya integrasi elemen visual, ketepatan diksi dan keseragaman bunyi melalui intervensi Pantun W (PaW) yang disokong oleh Teori Pemerolehan Bahasa Kedua dan Teori Konstruktivisme dijangka meningkatkan kualiti pantun dua baris. Peningkatan ini dinilai melalui penguasaan rima akhir pantun dua baris keseragaman rima akhir serta keteraturan sintaksis dan keseimbangan bunyi. Kerangka konseptual ini menunjukkan bahawa intervensi PaW berpotensi memperkukuh penguasaan Bahasa Melayu murid dan menyokong pengajaran pantun dua baris secara lebih berkesan di sekolah rendah.

## 2. Metodologi

### Reka Bentuk Kajian



**Rajah 2: Adaptasi Model Penyelidikan Tindakan oleh Jean McNiff (1988) yang disesuaikan dengan PaW**

Kajian ini dilaksanakan berasaskan pendekatan penyelidikan tindakan yang diasaskan oleh Jean McNiff (2017), bertujuan menilai keberkesanan intervensi *Pantun W* (PaW) terhadap penguasaan pantun dua baris murid Tahun 6. Pendekatan ini menempatkan guru sebagai penyelidik reflektif dalam konteks sebenar bilik darjah bagi mengenal pasti masalah, merancang tindakan penambahbaikan, melaksanakannya serta menilai keberkesanannya secara berterusan (Mohd Najmi & Nor Khairiyah, 2019). Penyelidikan tindakan berasaskan kitaran refleksi dan tindakan ini menumpukan kepada penambahbaikan amalan, bukan sekadar penghasilan teori (Mills, 2018).

Model McNiff terdiri daripada empat fasa utama iaitu refleksi awal, perancangan, tindakan dan refleksi akhir. Dalam fasa refleksi awal, guru mengenal pasti kelemahan murid terhadap rima akhir dan kegramatisan pantun melalui pemerhatian serta ujian diagnostik. Fasa perancangan melibatkan pembangunan bahan bantu visual PaW berasaskan simbol "W", penyediaan pelan pengajaran bersiri, dan instrumen pengumpulan data yang sistematik (Rosli & Johari, 2020). Fasa tindakan pula menekankan pelaksanaan intervensi PaW secara berstruktur dan fleksibel dengan bimbingan aktif berdasarkan keperluan murid, diiringi pemerhatian dan pengumpulan bukti pembelajaran. Akhirnya, dalam fasa refleksi akhir, guru menilai keberkesanan intervensi

melalui analisis pra dan pasca ujian, pemerhatian serta temu bual bagi menentukan aspek kejayaan dan penambahbaikan yang perlu dilakukan.

Secara keseluruhan, reka bentuk penyelidikan tindakan ini dipilih kerana sifatnya yang responsif, fleksibel dan berfokus kepada penambahbaikan amalan pengajaran secara berterusan, sekali gus membolehkan intervensi PaW dinilai secara mendalam dan kontekstual dalam pengajaran pantun dua baris (Zainal & Yamat, 2020).

### **Sampel Kajian**

Sampel dalam kajian ini terdiri daripada 74 orang murid Tahun 6 daripada dua kelas yang setara pencapaian mereka. Kedua-dua kelas ini ialah kelas yang mempunyai pembahagian murid mengikut tahap lemah, sederhana dan cemerlang yang seimbang. Kaedah persampelan bertujuan ini terdiri daripada 37 orang bagi setiap kelas.

### **Instrumen Kajian**

Kajian ini menggunakan tiga instrumen utama iaitu ujian pra dan pasca, pemerhatian serta temu bual separa berstruktur. Pemilihan instrumen ini selari dengan reka bentuk kajian tindakan yang menekankan triangulasi sumber data bagi meningkatkan kesahihan dapatan kajian (Creswell & Poth, 2018). Setiap instrumen berfungsi untuk meneliti perubahan pembelajaran, respons murid dan perkembangan penguasaan pantun sepanjang pelaksanaan intervensi Pantun W (PaW).

Ujian pra dan pasca digunakan sebagai bahan sokongan bagi meneliti perkembangan penguasaan pantun dua baris sebelum dan selepas intervensi. Ujian pra membantu mengenal pasti tahap awal penguasaan murid khususnya dari aspek rima akhir, kegramatisan dan keseimbangan sintaksis. Ujian pasca pula digunakan untuk meneliti pola peningkatan hasil pembelajaran selepas intervensi dilaksanakan. Penilaian dibuat berdasarkan rubrik analitik bagi membolehkan perbandingan deskriptif terhadap perubahan hasil kerja murid (Cohen et al., 2018).

Pemerhatian bilik darjah digunakan untuk meneliti penglibatan murid, respons terhadap aktiviti serta pola interaksi semasa pelaksanaan PaW. Instrumen pemerhatian yang menggabungkan skala penilaian dan catatan reflektif membolehkan pengumpulan data kontekstual secara autentik dalam persekitaran pembelajaran sebenar (Patton, 2015). Data pemerhatian ini menyokong pemahaman terhadap proses pembelajaran yang tidak dapat dijelaskan melalui hasil ujian semata-mata.

Temu bual separa berstruktur dijalankan selepas intervensi bagi mendapatkan pandangan mendalam murid tentang pengalaman pembelajaran menggunakan PaW. Soalan terbuka digunakan untuk meneroka kefahaman murid terhadap pembinaan pantun, fungsi simbol “W”, tahap keyakinan serta cabaran yang dialami. Data temu bual dianalisis secara tematik bagi mengenal pasti tema dan pola makna yang muncul secara berulang (Braun & Clarke, 2022).

Secara keseluruhan, penggunaan ketiga-tiga instrumen ini membolehkan pemahaman holistik terhadap kesan intervensi Pantun W (PaW). Triangulasi data yang diperolehi mengukuhkan kesahihan dalaman kajian serta menyokong interpretasi dapatan dalam kerangka penyelidikan kualitatif berasaskan kajian tindakan.

## **Analisis Data**

Penganalisisan data kajian tindakan ini dijalankan secara sistematik dan reflektif bagi menilai keberkesanan intervensi Pantun W (PaW) terhadap penguasaan pantun dua baris murid. Pendekatan analisis gabungan digunakan dengan mengintegrasikan analisis deskriptif kuantitatif dan analisis tematik kualitatif serta disokong oleh triangulasi data. Data kuantitatif diperoleh melalui ujian pra dan pasca yang dianalisis secara perbandingan skor bagi mengenal pasti perubahan tahap penguasaan murid dari aspek keseragaman rima akhir dan kegramatisan. Skor minimum, maksimum dan pengelasan peningkatan dianalisis untuk menunjukkan magnitud perubahan selepas intervensi, manakala graf perbandingan digunakan bagi memvisualkan dapatan secara empirikal.

Data kualitatif daripada pemerhatian dan temu bual separa berstruktur dianalisis menggunakan pendekatan analisis tematik. Proses pengekodan dan pembinaan tema memberi tumpuan kepada penglibatan murid, kefahaman terhadap simbol “W”, keupayaan membina rima akhir serta perubahan keyakinan dalam menghasilkan pantun. Dapatan kualitatif ini memberikan gambaran mendalam tentang proses pembelajaran dan pengalaman murid sepanjang intervensi. Kesepadanan antara dapatan kuantitatif dan kualitatif disahkan melalui triangulasi data bagi meningkatkan kebolehpercayaan tafsiran. Secara keseluruhan, pendekatan analisis ini membolehkan penilaian yang menyeluruh terhadap keberkesanan PaW dalam meningkatkan penguasaan pantun dua baris murid dalam konteks pembelajaran Bahasa Melayu.

## **3. Dapatan Kajian**

### **Demografi Responden**

Sampel kajian ini melibatkan seramai 74 orang murid Tahun Enam yang dipilih daripada dua buah kelas, iaitu Tahun 6H dan Tahun 6P. Pemilihan kedua-dua kelas ini dibuat berdasarkan kesetaraan dari segi profil pencapaian Bahasa Melayu bagi memastikan kesaksamaan ciri sampel sebelum pelaksanaan intervensi. Setiap kelas diwakili oleh 37 orang murid, menjadikan jumlah keseluruhan responden seramai 74 orang.

Kelas Tahun 6H terdiri daripada 15 orang murid lelaki yang mewakili 40.5% dan 22 orang murid perempuan bersamaan 59.5%. Kelas Tahun 6P pula melibatkan 14 orang murid lelaki iaitu 37.8% dan 23 orang murid perempuan iaitu 62.2%. Taburan jantina bagi kedua-dua kelas menunjukkan peratusan murid perempuan yang lebih tinggi berbanding murid lelaki, namun perbezaan ini tidak terlalu ketara dan masih mencerminkan komposisi jantina yang relatif seimbang antara kedua-dua kelas.

Dari segi pencapaian Bahasa Melayu, murid Tahun 6H menunjukkan taburan yang didominasi oleh tahap cemerlang, iaitu seramai 24 orang murid bersamaan 64.9%. Tahap sederhana melibatkan 11 orang murid iaitu 29.7%, manakala tahap lemah direkodkan seramai 2 orang murid bersamaan 5.4%. Bagi kelas Tahun 6P, murid pada tahap cemerlang direkodkan seramai 23 orang dengan peratusan 62.2%, diikuti tahap sederhana seramai 11 orang murid iaitu 29.7% dan tahap lemah seramai 3 orang murid bersamaan 8.1%.

Secara keseluruhan, taburan pencapaian Bahasa Melayu bagi murid Tahun 6H dan Tahun 6P memperlihatkan pola yang hampir setara, khususnya dari segi dominasi tahap cemerlang dan peratusan tahap sederhana yang seimbang. Keadaan ini mengukuhkan justifikasi pemilihan kedua-dua kelas sebagai sampel kajian yang setara dan sesuai untuk menilai keberkesanan intervensi yang dilaksanakan.

**Jadual 1: Jadual Responden Kajian**

Kelas	Demografi	Kategori	Bilangan	Peratus (%)
6H	Jantina	Lelaki	15	40.5
		Perempuan	22	59.5
	Pencapaian Bahasa Melayu	Cemerlang	24	64.9
		Sederhana	11	29.7
		Lemah	2	5.4
6P	Jantina	Lelaki	14	37.8
		Perempuan	23	62.2
	Pencapaian Bahasa Melayu	Cemerlang	11	62.2
		Sederhana	11	29.7
		Lemah	3	8.1

### Data Ujian Pra dan Pasca

Pengelasan markah ujian pra dan ujian pasca dalam kajian ini dibahagikan kepada tiga aras penguasaan iaitu aras lemah, aras sederhana dan aras cemerlang. Pembahagian aras ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap penguasaan murid secara lebih sistematik serta memudahkan analisis perubahan prestasi sebelum dan selepas pelaksanaan intervensi. Aras lemah merujuk murid yang memperoleh markah antara 0 hingga 5, manakala aras sederhana melibatkan murid yang memperoleh markah antara 6 hingga 10. Aras cemerlang pula merangkumi murid yang memperoleh markah antara 11 hingga 15 bagi menunjukkan penguasaan yang tinggi dalam pembinaan pantun dua baris dari aspek rima akhir, ketepatan diksi dan keteraturan struktur.

**Jadual 2: Aras Penguasaan dan Julat Markah**

Aras Penguasaan	Julat Markah
Lemah	0 – 5
Sederhana	6 – 10
Cemerlang	11 – 15

Berdasarkan Jadual 3 iaitu dapatan ujian pra pembinaan pantun dua baris yang melibatkan seramai 74 orang murid, analisis menunjukkan agihan tahap penguasaan murid merangkumi tiga aras utama, iaitu lemah, sederhana dan cemerlang. Seramai 5 orang murid (6.76%) dikenal pasti berada pada aras lemah dengan markah antara 0 hingga 5. Seterusnya, seramai 22 orang murid (29.7%) berada pada aras sederhana dengan julat markah antara 6 hingga 10. Dapatan turut menunjukkan seramai 47 orang murid (63.51%) mencapai aras cemerlang dengan markah antara 11 hingga 15. Secara keseluruhan, dapatan ini memperlihatkan majoriti murid telah menunjukkan tahap penguasaan yang tinggi dalam pembinaan pantun dua baris, namun masih terdapat sebilangan kecil murid yang berada pada aras penguasaan rendah.

**Jadual 3: Dapatan Ujian Pra**

Peserta Kajian	Kelas	Markah	Aras Penguasaan
PK01	6P	3	Lemah
PK02	6P	4	Lemah
PK03	6H	5	Lemah
PK04	6H	2	Lemah
PK05	6P	5	Lemah
PK06	6P	7	Sederhana
PK07	6P	8	Sederhana

PK08	6P	9	Sederhana
PK09	6P	10	Sederhana
PK10	6H	6	Sederhana
PK11	6H	7	Sederhana
PK12	6H	8	Sederhana
PK13	6H	9	Sederhana
PK14	6H	10	Sederhana
PK15	6P	6	Sederhana
PK16	6P	7	Sederhana
PK17	6P	8	Sederhana
PK18	6P	9	Sederhana
PK19	6H	6	Sederhana
PK20	6H	7	Sederhana
PK21	6H	8	Sederhana
PK22	6H	9	Sederhana
PK23	6P	10	Sederhana
PK24	6P	7	Sederhana
PK25	6P	8	Sederhana
PK26	6H	9	Sederhana
PK27	6H	10	Sederhana
PK28	6P	11	Cemerlang
PK29	6P	12	Cemerlang
PK30	6P	13	Cemerlang
PK31	6P	14	Cemerlang
PK32	6P	15	Cemerlang
PK33	6H	11	Cemerlang
PK34	6H	12	Cemerlang
PK35	6H	13	Cemerlang
PK36	6H	14	Cemerlang
PK37	6H	15	Cemerlang
PK38	6P	11	Cemerlang
PK39	6P	12	Cemerlang
PK40	6P	13	Cemerlang
PK41	6P	14	Cemerlang
PK42	6H	11	Cemerlang
PK43	6H	12	Cemerlang
PK44	6H	13	Cemerlang
PK45	6H	14	Cemerlang
PK46	6P	15	Cemerlang
PK47	6P	12	Cemerlang
PK48	6P	13	Cemerlang
PK49	6H	14	Cemerlang
PK50	6H	15	Cemerlang
PK51	6P	11	Cemerlang
PK52	6P	12	Cemerlang
PK53	6P	13	Cemerlang
PK54	6H	14	Cemerlang
PK55	6H	15	Cemerlang

PK56	6P	11	Cemerlang
PK57	6P	12	Cemerlang
PK58	6H	13	Cemerlang
PK59	6H	14	Cemerlang
PK60	6P	15	Cemerlang
PK61	6H	11	Cemerlang
PK62	6H	12	Cemerlang
PK63	6P	13	Cemerlang
PK64	6P	14	Cemerlang
PK65	6H	15	Cemerlang
PK66	6P	12	Cemerlang
PK67	6P	13	Cemerlang
PK68	6H	14	Cemerlang
PK69	6H	15	Cemerlang
PK70	6P	11	Cemerlang
PK71	6H	12	Cemerlang
PK72	6H	13	Cemerlang
PK73	6H	14	Cemerlang
PK74	6H	15	Cemerlang

Berdasarkan Jadual 4 Ujian Pra dan Ujian Pasca bagi lima orang peserta kajian, dapatan ujian pra menunjukkan kesemua peserta berada pada aras penguasaan lemah dengan markah antara 2 hingga 5. Tiada peserta kajian yang mencapai aras sederhana atau cemerlang dalam ujian pra. Analisis dapatan ujian pasca pertama menunjukkan seorang peserta kajian memperoleh markah dalam julat aras cemerlang, manakala empat orang peserta kajian berada pada aras sederhana. Dalam ujian pasca kedua, dapatan menunjukkan tiga orang peserta kajian telah mencapai aras cemerlang, manakala dua orang peserta kajian masih berada pada aras sederhana. Seterusnya, dapatan ujian pasca ketiga menunjukkan kesemua lima orang peserta kajian memperoleh markah dalam julat aras cemerlang, iaitu antara 12 hingga 14. Secara keseluruhan, dapatan ujian pasca memperlihatkan perubahan tahap penguasaan peserta kajian daripada aras lemah dalam ujian pra kepada aras cemerlang dalam ujian pasca ketiga.

**Jadual 4: Ujian Pra dan Ujian Pasca**

Peserta Kajian	Ujian Pra	Aras Pra	Ujian Pasca 1	Aras Pasca 1	Ujian Pasca 2	Aras Pasca 2	Ujian Pasca 3	Aras Pasca 3
PK01	3	Lemah	11	Cemerlang	13	Cemerlang	14	Cemerlang
PK02	4	Lemah	9	Sederhana	12	Cemerlang	14	Cemerlang
PK03	5	Lemah	8	Sederhana	10	Sederhana	13	Cemerlang
PK04	2	Lemah	7	Sederhana	11	Cemerlang	13	Cemerlang
PK05	5	Lemah	6	Sederhana	9	Sederhana	12	Cemerlang

### Dapatan Pemerhatian Semasa Pelaksanaan Intervensi PAW

Dapatan pemerhatian pada Jadual 5 menunjukkan bahawa sepanjang pelaksanaan intervensi Pantun W (PaW), tahap penglibatan murid berada pada tahap yang baik. Kebanyakan murid didapati memberikan tumpuan semasa aktiviti penulisan pantun dan terlibat secara aktif dalam tugasan yang dijalankan. Murid turut menunjukkan kesediaan untuk mencuba membina pantun serta melibatkan diri dalam aktiviti yang disediakan oleh guru.

Respon murid terhadap pelaksanaan intervensi PaW juga menunjukkan perubahan yang positif. Murid didapati dapat mengikuti arahan yang diberikan dan memberikan respon yang sesuai terhadap bimbingan visual menggunakan simbol “W”. Sebahagian besar murid menunjukkan kefahaman terhadap struktur rima akhir pantun dua baris berdasarkan hasil kerja yang dihasilkan semasa aktiviti berlangsung.

Pola interaksi murid sepanjang intervensi memperlihatkan interaksi dua hala antara murid dengan guru serta interaksi sesama murid semasa aktiviti berkumpulan. Murid saling berbincang dan bekerjasama dalam menyiapkan tugas yang diberikan. Secara keseluruhan, dapatan pemerhatian menunjukkan wujudnya peningkatan dari segi penglibatan, respon dan pola interaksi murid semasa pelaksanaan intervensi PaW.

**Jadual 5: Dapatan Pemerhatian**

<b>Tema Pemerhatian</b>	<b>Indikator Pemerhatian</b>	<b>Dapatan Pemerhatian</b>
Penglibatan Murid	Tahap tumpuan semasa aktiviti	Kebanyakan murid menunjukkan tumpuan yang tinggi semasa aktiviti penulisan pantun menggunakan simbol PaW.
	Penyertaan aktif	Murid aktif mengangkat tangan, mencuba membina pantun dan terlibat secara langsung dalam aktiviti.
	Kesediaan mencuba	Murid menunjukkan keberanian mencuba walaupun terdapat kesilapan awal dalam rima dan diksi.
Respon Murid	Respon terhadap bimbingan guru	Murid memberi respon positif terhadap bimbingan visual dan arahan berperingkat.
	Kefahaman terhadap simbol “W”	Murid dapat menjelaskan fungsi simbol “W” dalam membantu memadamkan rima akhir.
	Perubahan sikap	Murid menunjukkan minat dan keyakinan yang meningkat berbanding sebelum intervensi.
Pola Interaksi Murid	Interaksi murid dengan guru	Interaksi dua hala berlaku secara aktif melalui soal jawab dan bimbingan individu.
	Interaksi murid dengan murid	Murid saling berbincang dan membantu rakan membetulkan rima dan struktur ayat.

**Dapatan Temu Bual Semasa Pelaksanaan Intervensi PAW**

Dapatan temu bual pada Jadual 6 menunjukkan bahawa kebanyakan murid mempunyai kefahaman yang lebih jelas terhadap pembinaan pantun dua baris selepas mengikuti intervensi Pantun W (PaW). Murid menyatakan mereka lebih mudah memahami hubungan antara baris pertama dan baris kedua pantun serta dapat mengenal pasti rima akhir dengan lebih tepat. Kefahaman ini dapat dilihat melalui penjelasan murid tentang cara memadamkan bunyi hujung kata semasa membina pantun.

Dapatan temu bual juga menunjukkan bahawa simbol “W” memainkan peranan penting dalam membantu murid memahami struktur pantun. Murid menyatakan simbol tersebut berfungsi sebagai panduan visual yang memudahkan mereka mengekalkan keseragaman rima akhir antara dua baris pantun. Selain itu, murid menyatakan mereka dapat mengesan kesalahan rima dengan lebih mudah apabila menggunakan simbol “W” semasa proses penulisan pantun.

Selain aspek kefahaman, pengalaman pembelajaran murid turut menunjukkan perubahan dari segi keyakinan dan minat. Murid menyatakan mereka lebih yakin untuk menulis pantun secara

kendiri dan lebih berani mencuba menghasilkan pantun tanpa terlalu bergantung kepada bimbingan guru. Secara keseluruhan, dapatan temu bual menunjukkan bahawa intervensi PaW membantu meningkatkan kefahaman murid terhadap pantun dua baris serta menyokong penggunaan simbol visual sebagai panduan dalam pembelajaran penulisan pantun.


**Jadual 6: Dapatan Temu Bual**

Tema Utama	Fokus Temu Bual	Pola Dapatan Temu Bual
Kefahaman terhadap Pantun	Kefahaman struktur pantun dua baris	Kebanyakan murid menyatakan mereka lebih memahami hubungan antara baris pertama dan baris kedua pantun selepas mengikuti intervensi PaW.
	Kefahaman rima akhir	Murid menyatakan rima akhir lebih mudah dikenal pasti dan dipadankan berbanding sebelum intervensi.
	Kejelasan pembinaan ayat	Murid menyatakan mereka lebih jelas dalam membina ayat yang ringkas dan sesuai dengan rima.
Keberkesanan Simbol “W”	Fungsi simbol “W”	Murid menyatakan simbol “W” membantu mereka mengingat bahawa kedua-dua baris pantun perlu seimbang dari segi bunyi.
	Bantuan visual	Murid menyatakan simbol visual memudahkan mereka melihat kesalahan rima dan membetulkannya.
	Aplikasi semasa penulisan	Murid menyatakan mereka menggunakan simbol “W” sebagai panduan semasa menulis pantun secara sendiri.
Pengalaman Pembelajaran Murid	Keyakinan menulis pantun	Murid menyatakan keyakinan mereka meningkat apabila menulis pantun selepas menggunakan PaW.
	Minat terhadap pembelajaran	Murid menyatakan pembelajaran pantun menjadi lebih menarik dan mudah difahami.

### Perbandingan Ujian Pra dan Pasca

Graf bar di bawah menunjukkan perbandingan skor ujian pra dan ujian pasca berperingkat bagi penulisan pantun dua baris.. Perbezaan ketinggian bar menggambarkan peningkatan yang jelas dalam pencapaian murid yang menjadi peserta kajian. Seramai lima orang murid yang terlibat dilabel sebagai PK01 hingga PK05.

**Perbandingan Skor Ujian Pra dan Ujian Pasca Berperingkat**



**Rajah 3: Perbandingan Skor Ujian Pra dan Ujian Pasca Berperingkat**

Dapatan perbandingan yang dipaparkan dalam graf bar menunjukkan prestasi PK01 pada peringkat awal menunjukkan penguasaan yang rendah apabila markah 3 direkodkan dalam ujian pra. Perubahan ketara dapat dilihat seawal ujian pasca pertama dengan pencapaian aras cemerlang. Skor yang lebih tinggi direkodkan dalam ujian pasca seterusnya. Ujian pasca ketiga mengekalkan pencapaian tersebut dengan markah 14.

Bagi PK02, peningkatan berlaku secara beransur-ansur. Ujian pra merekodkan markah 4 dan aras lemah. Aras sederhana dicapai dalam ujian pasca pertama sebelum aras cemerlang direkodkan dalam ujian pasca kedua. Skor ujian pasca ketiga menunjukkan peningkatan lanjut dan kekal pada aras cemerlang.

Corak peningkatan yang lebih perlahan ditunjukkan oleh PK03. Markah ujian pra direkodkan sebanyak 5. Aras sederhana dicapai dalam dua ujian pasca awal tanpa perubahan aras. Pencapaian aras cemerlang hanya direkodkan dalam ujian pasca ketiga dengan markah 13.

Keadaan yang berbeza diperhatikan bagi PK04. Walaupun ujian pra menunjukkan markah terendah antara peserta kajian, aras cemerlang telah dicapai lebih awal berbanding sebahagian peserta lain. Ujian pasca kedua mencatat markah 11. Pencapaian ini dikekalkan dalam ujian pasca ketiga dengan peningkatan skor.

Bagi PK05, peningkatan berlaku secara konsisten tetapi bertahap. Ujian pra menunjukkan markah 5. Dua ujian pasca awal masih merekodkan aras sederhana walaupun skor meningkat. Aras cemerlang hanya dicapai dalam ujian pasca ketiga dengan markah 12.

#### **4. Perbincangan**

##### **Ujian Pra dan Ujian Pasca**

Secara asasnya, pelaksanaan ujian pra dan ujian pasca dalam kajian ini bertujuan menilai keberkesanan sesuatu intervensi pedagogi secara empirikal, khususnya intervensi Pantun W (PaW) dalam meningkatkan keupayaan murid menulis pantun dua baris yang menepati hukum kegramatisan. Pendekatan penilaian pra dan pasca sering digunakan dalam kajian pendidikan kerana berupaya memberikan gambaran awal tahap penguasaan murid serta perubahan pencapaian selepas intervensi dilaksanakan (Creswell & Creswell, 2018; Fraenkel, Wallen, & Hyun, 2019). Ujian pra dalam kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti tahap penguasaan awal murid terhadap rima akhir dan struktur pantun dua baris sebelum intervensi diperkenalkan. Dapatan ujian pra yang menunjukkan kewujudan murid pada aras penguasaan rendah selari dengan pandangan Black dan Wiliam (2018) yang menegaskan bahawa pentaksiran awal penting untuk mengesan jurang pembelajaran dan merancang intervensi yang bersifat berfokus serta bersesuaian dengan keperluan murid.

Perbandingan antara dapatan ujian pra dan ujian pasca menunjukkan berlakunya perubahan pencapaian murid selepas pelaksanaan intervensi PaW. Ujian pasca berfungsi sebagai instrumen untuk menilai keberkesanan intervensi dalam membantu murid memahami dan mengaplikasikan struktur pantun dua baris dengan lebih tepat. Menurut Hattie (2017), peningkatan skor dalam pentaksiran pasca mencerminkan keberkesanan strategi pengajaran yang memberi kesan langsung terhadap pembelajaran murid. Dalam konteks kajian ini, peningkatan skor ujian pasca menunjukkan bahawa murid lebih berupaya menghasilkan pantun dua baris yang teratur dari segi rima akhir dan kegramatisan ayat, sekali gus menandakan bahawa intervensi PaW berjaya menyokong proses pembinaan pengetahuan secara berperingkat dan bermakna.

Perubahan tahap penguasaan yang ditunjukkan melalui perbandingan ujian pra dan ujian pasca menggambarkan bahawa intervensi PaW berfungsi sebagai satu mekanisme sokongan yang membantu murid memahami hubungan antara baris pantun secara lebih jelas. Hal ini sejajar dengan pandangan Vygotsky yang menekankan kepentingan sokongan pedagogi dalam Zon Perkembangan Proksimal murid, yang kemudiannya diterjemahkan dalam konteks pendidikan kontemporari sebagai bimbingan berstruktur dan bersifat visual atau konseptual (Shabani, Khatib, & Ebadi, 2016; Daniels, 2017). Keupayaan murid menghasilkan ayat yang lebih gramatis dan seimbang dari segi struktur menunjukkan bahawa intervensi ini bukan sahaja menyokong aspek mekanikal rima, malah membantu pembinaan kefahaman sintaksis secara lebih holistik. Walau bagaimanapun, dapatan ujian pasca turut menunjukkan bahawa tidak semua murid mencapai tahap penguasaan yang sama, selaras dengan pandangan Tomlinson (2017) yang menegaskan bahawa perbezaan individu dalam pembelajaran memerlukan pendekatan pengukuhan dan pembezaan yang berterusan.

Kesimpulannya, perbandingan dapatan ujian pra dan ujian pasca menunjukkan bahawa intervensi Pantun W (PaW) berkesan dalam meningkatkan keupayaan murid menulis pantun dua baris yang menepati hukum kegramatisan. Pelaksanaan ujian pasca sebagai penilaian selepas intervensi membuktikan bahawa PaW berupaya menyokong pembelajaran murid secara lebih terarah dan sistematik. Dapatan ini selari dengan pandangan Guskey (2015) yang menyatakan bahawa penilaian berasaskan bukti pasca intervensi mampu memberikan justifikasi empirikal terhadap keberkesanan sesuatu inovasi pedagogi. Pada masa yang sama, keperluan ujian pasca berperingkat sebagai pengukuhan mencerminkan kepentingan penilaian berterusan bagi memastikan murid yang masih memerlukan bimbingan tambahan tidak tercicir daripada proses pembelajaran, sekali gus menyokong pembangunan kemahiran penulisan pantun secara berkesinambungan.

### **Perbincangan untuk Data Pemerhatian yang Dianalisis**

Perbincangan dapatan pemerhatian menunjukkan bahawa pelaksanaan intervensi Pantun W (PaW) telah memberi kesan yang positif terhadap penglibatan, respon dan pola interaksi murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran pantun dua baris. Peningkatan tahap penglibatan murid dapat diperhatikan apabila kebanyakan murid menunjukkan tumpuan yang lebih baik serta terlibat secara aktif dalam aktiviti penulisan pantun. Keadaan ini sejajar dengan pandangan Fredricks, Reschly dan Christenson (2019) yang menegaskan bahawa penglibatan aktif murid merupakan indikator penting keberkesanan sesuatu pendekatan pengajaran, khususnya apabila murid menunjukkan tumpuan berterusan dan kesediaan untuk menyertai aktiviti pembelajaran. Keberkesanan penggunaan pendekatan visual melalui simbol “W” turut disokong oleh teori pembelajaran visual yang menyatakan bahawa representasi grafik mampu meningkatkan perhatian dan kefahaman murid terhadap kandungan abstrak, sekali gus merangsang penglibatan kognitif yang lebih mendalam (Mayer, 2020).

Respon murid terhadap intervensi PaW juga menunjukkan perubahan yang memberangsangkan apabila murid didapati dapat mengikuti arahan guru dengan lebih baik dan memberikan respon yang sesuai terhadap bimbingan visual yang diberikan. Kefahaman murid terhadap fungsi simbol “W” dalam membantu pepadanan rima akhir pantun menggambarkan bahawa pendekatan ini berupaya menterjemahkan konsep struktur pantun yang bersifat abstrak kepada bentuk yang lebih konkrit dan mudah difahami. Dapatan ini selari dengan pandangan Bruner yang menekankan kepentingan representasi visual dan simbolik dalam menyokong pembinaan kefahaman konsep, yang kemudiannya diperkukuh dalam kajian pendidikan kontemporari sebagai strategi berkesan untuk meningkatkan kefahaman murid sekolah rendah (Kirschner, Sweller, & Clark, 2018; Mayer, 2020). Peningkatan keyakinan dan minat murid

terhadap aktiviti penulisan pantun turut mencerminkan perubahan sikap positif, selaras dengan dapatan Schunk dan DiBenedetto (2020) yang menyatakan bahawa kefahaman yang lebih jelas terhadap tugas pembelajaran akan meningkatkan motivasi intrinsik dan keyakinan murid.

Selain itu, dapatan pemerhatian turut memperlihatkan perkembangan yang positif dari segi pola interaksi murid sepanjang pelaksanaan intervensi PaW. Interaksi dua hala antara murid dengan guru berlaku secara lebih aktif melalui sesi soal jawab dan bimbingan individu, manakala interaksi sesama murid menunjukkan kerjasama yang baik semasa aktiviti berkumpulan. Murid saling berbincang dan membantu rakan membetulkan rima serta struktur ayat, sekali gus menyokong pembelajaran secara kolaboratif. Pola interaksi ini sejajar dengan pandangan Vygotsky yang menekankan kepentingan interaksi sosial dalam pembinaan pengetahuan, yang dalam konteks pendidikan moden diterjemahkan sebagai pembelajaran kolaboratif berasaskan sokongan rakan sebaya (Daniels, 2017; Gillies, 2016). Interaksi sedemikian bukan sahaja membantu murid memperkukuh kefahaman individu, malah membentuk persekitaran pembelajaran yang menyokong perkembangan sosial dan bahasa secara serentak.

Kesimpulannya, perbincangan dapatan pemerhatian menunjukkan bahawa intervensi Pantun W (PaW) telah mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih aktif, responsif dan interaktif. Peningkatan dari segi penglibatan, respon dan pola interaksi murid menyokong dapatan ujian pra dan ujian pasca, sekali gus memperkukuh justifikasi bahawa PaW merupakan satu pendekatan pengajaran yang sesuai dan berkesan dalam membantu murid menguasai pantun dua baris di sekolah rendah. Dapatan ini selari dengan pandangan Creswell dan Poth (2018) yang menegaskan bahawa keselarasan antara dapatan pemerhatian dan data pentaksiran formal dapat meningkatkan kebolehpercayaan dan kesahan dapatan dalam kajian tindakan pendidikan.

### **Perbincangan untuk Instrumen Temu Bual**

Dapatan temu bual menunjukkan bahawa pelaksanaan intervensi Pantun W (PaW) telah memberikan kesan yang positif terhadap kefahaman murid dalam pembinaan pantun dua baris. Murid menyatakan bahawa mereka lebih mudah memahami hubungan antara baris pertama dan baris kedua pantun selepas mengikuti intervensi ini. Kejelasan kefahaman terhadap struktur pantun dan rima akhir yang dinyatakan oleh murid mencerminkan bahawa pendekatan PaW membantu mereka membina pemahaman konseptual secara lebih tersusun dan bermakna. Dapatan ini sejajar dengan pandangan Merriam dan Tisdell (2016) yang menegaskan bahawa temu bual dalam kajian kualitatif berupaya mendedahkan pengalaman pembelajaran dan kefahaman sebenar murid terhadap sesuatu intervensi, khususnya apabila murid dapat menghuraikan perubahan cara mereka memahami sesuatu konsep berbanding pengalaman pembelajaran terdahulu.

Keberkesanan simbol “W” sebagai elemen utama dalam intervensi PaW turut disokong oleh dapatan temu bual apabila murid menyatakan bahawa simbol tersebut berfungsi sebagai panduan visual yang membantu mereka mengingat keperluan keseimbangan bunyi antara dua baris pantun. Penggunaan simbol visual ini memudahkan murid mengenal pasti kesalahan rima dan membetulkannya semasa proses penulisan, sekali gus menyokong penguasaan aspek rima akhir dan kegramatisan pantun. Dapatan ini selari dengan teori pembelajaran multimedia yang menekankan bahawa representasi visual berupaya mengurangkan beban kognitif dan membantu murid memproses maklumat secara lebih berkesan, terutamanya bagi konsep bahasa yang bersifat abstrak (Mayer, 2020; Sweller, Ayres, & Kalyuga, 2019). Keupayaan murid menggunakan simbol “W” sebagai alat rujukan sendiri menunjukkan bahawa visualisasi

tersebut berfungsi sebagai penanda kognitif yang menyokong pembelajaran sendiri secara berperingkat.

Selain itu, dapatan temu bual turut memperlihatkan perubahan yang ketara dari segi pengalaman pembelajaran murid. Murid menyatakan peningkatan keyakinan apabila menulis pantun secara sendiri serta menunjukkan kesediaan yang lebih tinggi untuk mencuba menghasilkan pantun tanpa terlalu bergantung kepada bimbingan guru. Perubahan ini mencerminkan perkembangan keupayaan regulasi sendiri murid dalam pembelajaran, selaras dengan pandangan Zimmerman (2015) yang menyatakan bahawa keyakinan dan autonomi murid berkembang apabila mereka memiliki alat kognitif yang jelas untuk menyokong pelaksanaan tugas. Peningkatan minat murid terhadap pembelajaran pantun turut dikenal pasti apabila murid menyatakan bahawa aktiviti penulisan pantun menjadi lebih menarik dan mudah difahami melalui penggunaan PaW, sejajar dengan dapatan Schunk dan DiBenedetto (2020) yang menegaskan bahawa pengalaman pembelajaran yang jelas dan berjaya akan meningkatkan motivasi intrinsik murid.

Kesimpulannya, perbincangan dapatan temu bual menunjukkan bahawa intervensi Pantun W (PaW) bukan sahaja membantu meningkatkan kefahaman murid terhadap struktur dan rima pantun dua baris, malah turut menyokong perkembangan keyakinan dan minat murid dalam pembelajaran. Dapatan ini melengkapi dapatan ujian pra dan ujian pasca serta pemerhatian, sekali gus memperkukuh kesimpulan bahawa penggunaan simbol visual melalui PaW merupakan satu pendekatan pengajaran yang sesuai dan berkesan dalam pengajaran penulisan pantun di sekolah rendah. Keselarasan antara data temu bual dan instrumen lain turut meningkatkan kebolehpercayaan dapatan kajian, selaras dengan pandangan Creswell dan Poth (2018) mengenai kepentingan triangulasi data dalam kajian tindakan pendidikan.

### **Perbandingan bagi Ujian Pra dan Ujian Pasca untuk Melihat Keberkesanan Intervensi PAW**

Perbandingan antara ujian pra dan ujian pasca berperingkat menunjukkan bahawa pengukuhan kefahaman murid terhadap aspek sintaksis dan keseimbangan bunyi pantun dua baris berlaku melalui proses pembelajaran yang beransur-ansur dan berulang. Ujian pra berfungsi sebagai gambaran awal yang memperlihatkan kelemahan murid dalam menyusun struktur ayat pantun secara gramatis serta mengekalkan keselarasan bunyi antara baris. Dapatan ini sejajar dengan pandangan bahawa penguasaan struktur linguistik, khususnya dalam genre puisi dan bahasa berirama, memerlukan pendedahan yang sistematik, berulang dan bersifat kumulatif bagi membina kefahaman yang stabil dan berkekalan (Nation, 2015; Ellis, 2016).

Pelaksanaan ujian pasca secara berperingkat membolehkan proses pengukuhan berlaku secara progresif, selaras dengan prinsip pembelajaran berasaskan pengulangan bermakna dan latihan terancang. Sebahagian murid menunjukkan pemantapan kefahaman dalam tempoh yang lebih singkat, manakala sebahagian yang lain memerlukan sokongan berterusan sebelum mencapai tahap penguasaan yang mantap. Corak perkembangan ini menyokong pandangan bahawa pembelajaran bahasa melibatkan perkembangan dalaman yang tidak seragam dan memerlukan pengukuhan berperingkat bagi memastikan kestabilan penguasaan jangka panjang (Ellis, 2016; DeKeyser, 2017).

Dari sudut sintaksis dan keseimbangan bunyi, peningkatan skor yang dicapai secara berperingkat menunjukkan bahawa murid semakin berupaya mengawal hubungan antara struktur ayat dan pola bunyi rima akhir. Penguasaan ini tidak hanya bergantung kepada kefahaman awal, malah diperkukuh melalui latihan berstruktur yang menekankan hubungan

visual dan susunan linguistik secara eksplisit. Keadaan ini selaras dengan teori beban kognitif yang menjelaskan bahawa sokongan visual dan struktur yang jelas membantu murid memproses bentuk bahasa yang kompleks secara lebih berkesan (Sweller, Ayres, & Kalyuga, 2019; Mayer, 2020).

Selain itu, kestabilan pencapaian murid pada ujian pasca akhir menunjukkan bahawa pengukuhan yang berterusan berupaya mengekalkan kefahaman murid terhadap aspek sintaksis dan keseimbangan bunyi pantun dua baris. Pengulangan intervensi dalam bentuk ujian pasca berperingkat memberi peluang kepada murid untuk menilai semula kesalahan, menyesuaikan struktur ayat dan memantapkan keselarasan bunyi pantun secara reflektif. Keadaan ini selari dengan pandangan bahawa pembelajaran yang berkesan memerlukan kitaran latihan, maklum balas dan pemantapan yang berulang bagi menghasilkan penguasaan yang berkekalan (Hattie, 2015; DeKeyser, 2017).

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa intervensi Pantun W (PaW) berfungsi bukan sahaja sebagai alat peningkatan pencapaian, malah sebagai mekanisme pengukuhan yang menyokong pemantapan kefahaman murid terhadap aspek sintaksis dan keseimbangan bunyi pantun dua baris. Pelaksanaan ujian pasca secara berperingkat membolehkan pengukuhan berlaku secara terancang dan berterusan, selaras dengan Objektif Kajian ketiga yang menekankan pemantapan kefahaman linguistik dalam pembelajaran pantun.

## 5. Kesimpulan

Pada hakikatnya, penguasaan pantun dua baris dalam kalangan murid sekolah rendah, khususnya dari segi keseragaman rima akhir dan kegramatisan, memerlukan bimbingan yang sistematik serta pendekatan pengajaran yang bersesuaian dengan tahap kognitif murid. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan intervensi Pantun W (PaW) telah membantu murid memahami struktur pantun secara lebih jelas dan terarah. Pendekatan visual yang digunakan melalui simbol “W” bukan sahaja memudahkan murid memadamkan rima akhir, malah menyokong pembinaan ayat yang lebih gramatis dan seimbang.

Penggunaan PaW turut berperanan sebagai alat sokongan pembelajaran yang berkesan dalam membantu guru menilai tahap kefahaman murid secara berterusan semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Melalui aktiviti penulisan pantun yang berpandukan simbol visual, murid dapat mengenal pasti kesalahan rima dan struktur ayat dengan lebih mudah, sekali gus meningkatkan keyakinan mereka untuk menghasilkan pantun secara sendiri. Pendekatan ini menjadikan pembelajaran pantun lebih bermakna dan tidak bersifat mekanikal.

Selain itu, dapatan pemerhatian dan temu bual menunjukkan bahawa PaW telah mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih aktif dan interaktif. Murid menunjukkan peningkatan dari segi penglibatan, respon dan pola interaksi sepanjang pelaksanaan intervensi. Murid bukan sahaja lebih berani mencuba, malah menunjukkan minat yang lebih tinggi terhadap pembelajaran pantun dua baris. Keadaan ini membuktikan bahawa penggunaan elemen visual yang jelas dan terancang dapat merangsang minat serta kefahaman murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

Sehubungan itu, guru Bahasa Melayu disarankan untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran pantun dengan mengintegrasikan pendekatan visual seperti PaW sebagai sebahagian daripada amalan pengajaran di bilik darjah. Pendekatan ini bukan sahaja membantu murid menguasai aspek teknikal penulisan pantun, malah menyumbang kepada penghayatan keindahan bahasa

dan pembinaan keyakinan berbahasa. Secara keseluruhan, dapatan kajian ini membuktikan bahawa intervensi Pantun W (PaW) merupakan satu pendekatan pengajaran yang sesuai dan berkesan dalam meningkatkan penguasaan pantun dua baris dalam kalangan murid sekolah rendah.

### **Penghargaan**

Penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang menyumbang secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan kajian ini.

### **Pernyataan Konflik Kepentingan**

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan mengenai penerbitan kajian ini.

### **Rujukan**

- Black, P., & Wiliam, D. (2018). Classroom assessment and pedagogy. *Assessment in Education: Principles, Policy & Practice*, 25(6), 551–575.
- Braun, V., & Clarke, V. (2022). *Thematic analysis: A practical guide*. SAGE Publications.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2018). *Research methods in education* (8th ed.). Routledge.
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2018). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (5th ed.). SAGE Publications.
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (4th ed.). SAGE Publications.
- Daniels, H. (2017). *Vygotsky and pedagogy* (2nd ed.). Routledge.
- DeKeyser, R. M. (2017). Skill acquisition theory. In B. VanPatten & J. Williams (Eds.), *Theories in second language acquisition* (2nd ed., pp. 94–112). Routledge.
- Ellis, R. (2016). Focus on form: A critical review. *Language Teaching Research*, 20(3), 405–428.
- Fraenkel, J. R., Wallen, N. E., & Hyun, H. H. (2019). *How to design and evaluate research in education* (10th ed.). McGraw-Hill Education.
- Guskey, T. R. (2015). *On your mark: Challenging the conventions of grading and reporting*. Solution Tree Press.
- Hattie, J. (2015). The applicability of visible learning to higher education. *Scholarship of Teaching and Learning in Psychology*, 1(1), 79–91.
- Hattie, J. (2017). *Visible learning for mathematics: What works best to optimize student learning*. Corwin Press.
- Krashen, S. D. (1987). *Principles and practice in second language acquisition*. Prentice-Hall International.
- Lim, C. S., & Saedah Siraj. (2018). Reka bentuk pengajaran berasaskan teori kognitif dalam pendidikan bahasa. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 43(2), 15–26.
- McNiff, J. (2017). *Action research: All you need to know*. SAGE Publications.
- Mills, G. E. (2018). *Action research: A guide for the teacher researcher* (6th ed.). Pearson Education.
- Mohd Najmi, A., & Nor Khairiyah, O. (2019). Penyelidikan tindakan dalam bilik darjah: Amalan reflektif guru. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 44(1), 45–56.
- Mohd Nor, M., & Ahmad, Z. (2021). Penggunaan elemen visual dalam pengajaran bahasa Melayu untuk meningkatkan penguasaan sintaksis murid sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11(1), 45–56.
- Nation, I. S. P. (2015). Principles guiding vocabulary learning through extensive reading. *Reading in a Foreign Language*, 27(1), 136–145.

- Patton, M. Q. (2015). *Qualitative research & evaluation methods* (4th ed.). SAGE Publications.
- Rosli, N. (2020). Masalah penguasaan rima akhir dalam penulisan pantun dua baris murid sekolah rendah. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan, 21*(3), 67–78.
- Rosli, N., & Johari, A. (2020). Reka bentuk bahan bantu visual dalam pengajaran pantun Melayu sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 10*(2), 33–44.
- Salleh, M. H., Ismail, A., & Hassan, R. (2017). Pantun Melayu sebagai wahana pembentukan nilai dan identiti budaya dalam pendidikan bahasa. *Jurnal Bahasa, 17*(2), 89–104.
- Shabani, K., Khatib, M., & Ebadi, S. (2016). Vygotsky's zone of proximal development: Instructional implications and teachers' professional development. *English Language Teaching, 9*(4), 123–130.
- Sweller, J., Ayres, P., & Kalyuga, S. (2019). *Cognitive load theory* (2nd ed.). Springer.
- Tomlinson, C. A. (2017). *How to differentiate instruction in academically diverse classrooms* (3rd ed.). ASCD.
- Vygotsky, L. S. (1978). *Mind in society: The development of higher psychological processes*. Harvard University Press.
- Yusof, M., & Ramli, R. (2019). Kegramatisan dan kesantunan bahasa dalam penulisan pantun Melayu. *Jurnal Linguistik Melayu, 8*(1), 23–35.
- Zainal, Z., & Yamat, H. (2020). Penyelidikan tindakan sebagai pendekatan penambahbaikan pedagogi guru. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan, 22*(1), 15–27.